

28/02/2003

Resipi martabatkan Islam Dr Mahathir perlu disokong

Mohd Roslan Mohd Saludin

Sambungan semalam

PENGALAMAN sejarah Malaysia moden memperlihatkan sesuatu yang mungkin boleh mengubah senario politik dan kekuatan umat Islam hari ini. Pendekatan Malaysia yang memperjuangkan sesuatu melalui perpaduan, tolak ansur dan kesepakatan, harus dijadikan panduan oleh umat Islam di negara lain, di samping mengelakkan penggunaan kekerasan dalam mencapai sesuatu matlamat.

Kejayaan Malaysia membina ketahanan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat harus dijadikan contoh.

Kejayaan Malaysia membanteras keganasan komunis membuktikan bahawa, keganasan dapat dibanteras jika langkah bersungguh-sungguh diambil untuk mengatasi masalah secara rasional. Ini boleh dilakukan secara mengenalpasti sebab dan punca asas (root cause) yang menimbulkan masalah berkenaan.

Resipi kejayaan Malaysia memperolehi kemerdekaan, jika dapat diamalkan dalam konteks menghadapi penjajahan bentuk baru kuasa Barat dan keganasan

puak pelampau Islam pada hari ini, adalah satu alternatif baru yang patut

diberi pertimbangan wajar oleh masyarakat dunia, terutama sekali di kalangan umat dan negara Islam.

Umat Islam di negara ini perlu menggembeng usaha meraih perpaduan dunia

Islam, selain memantapkan perpaduan meningkatkan kekuatan ekonomi, dan penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Tanggungjawab ini dapat dimainkan di pentas Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC), di mana satu mekanisme kesepakatan yang baru dan lebih berorientasikan tindakan, perlu dihasilkan.

Pendekatan yang bersifat retorik, perbincangan dan terlalu ideal, yang berasaskan kejumudan, hendaklah diketepikan.

Keutamaan dan pelan tindakan perlu difokuskan kepada kerjasama sosial, ekonomi, dan politik dalam konteks realiti dunia hari ini.

Perbezaan pendapat dan pergeseran isu remeh yang membelenggu umat Islam

hendaklah diketepikan, sebaliknya kita mesti membanyakkan ruang ke arah meluaskan kerjasama, kesepakatan dan kefahaman bagi kepentingan ummah.

Peranan Malaysia, di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pentas dunia pada ketika ini, agak menonjol Melalui kepimpinan beliau, banyak idea bernas dapat diilhamkan untuk manfaat kepada pembangunan dunia

Islam keseluruhannya.

Dr Mahathir berusaha meletakkan perjuangan Islam pada landasan sebenar dan dunia Islam sudah mengiktiraf pandangan dan kepimpinan berkesan beliau

berhubung isu keganasan dan Islam.

Dr Mahathir berjaya mengisi kelompangan (vacuum) kepimpinan umat Islam

pada ketika ini.

Kepemimpinan yang ada pada beliau, seharusnya disokong di peringkat nasional bagi membolehkannya menumpukan pula perhatian dalam membangunkan ummah, melalui kepimpinan berkesan di peringkat antarabangsa.

Saranan ini tidak bertujuan menyaingi kepimpinan Amerika Syarikat ataupun Eropah, tetapi lebih kepada menyediakan `resepi' ke arah mewujudkan keseimbangan dalam membentuk dunia yang lebih adil, sejahtera dan selamat untuk semua. Dr Mahathir mempunyai resipi itu.

Kesimpulannya, keganasan yang sering dikaitkan dengan Islam pada hari ini dapat disekat jika umat Islam mengutamakan perpaduan dalam memberi kefahaman Islam yang sebenar di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Dan perpaduan dan kesepakatan ini, hanya dapat dicapai melalui kepimpinan berkesan.

Firman Allah, yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenangkanlah akan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu, orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu sudah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa Jahiliah) lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya." (Surah Al Imran: 103).

PENULIS adalah Felo Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim)